KALENDAR PERISTIWA
April - Jun 2015

9 April

Massachusetts Institute of Technology Sloan School of Management (MIT Sloan) dan Bank Negara Malaysia telah menandatangani kerjasama 10 tahun untuk menubuhkan Asia School of Business (ASB) di Kuala Lumpur. Matlamat ASB adalah untuk menjadi sekolah perniagaan terunggul bagi membangunkan pemimpin berwawasan dan berprinsip yang akan menyumbang kepada masa depan yang lebih baik dan kemajuan negara sedang pesat membangun.

ASB akan menawarkan program ijazah dan bukan ijazah untuk memenuhi keperluan rantau Asia dan ekonomi global yang lebih luas. Pelancaran Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) yang pertama dijadualkan pada bulan September 2016, manakala program pendidikan eksekutif bukan ijazah akan dimulakan pada bulan September 2015.

17 April

Bank Negara Malaysia dan People's Bank of China menandatangani perjanjian pembaharuan pengaturan swap mata wang untuk tempoh tiga tahun lagi, dengan jumlahnya dikekalkan sebanyak RMB180 bilion / MYR90 bilion. Pengaturan asal ditandatangani pada tahun 2009 dan diperbaharui buat kali pertama pada tahun 2012. Pengaturan swap mata wang dua hala yang diperbaharui ini akan meningkatkan komitmen kedua-dua bank pusat untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan bagi penyelesaian pembayaran. Pengaturan swap mata wang ini akan terus memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan di samping menggalakkan aliran perdagangan dan pelaburan dua hala antara Malaysia dengan Republik Rakyat China.

23 April

Dalam ucapan Gabenor Dr. Zeti di Invest Malaysia 2015 yang bertemakan 'Menghadapi Cabaran Ekonomi Semasa Malaysia', beliau menyatakan bahawa ekonomi global sedang melalui fasa pertumbuhan sederhana yang bercirikan ketidakpastian dan ketidaktentuan pasaran kewangan yang meningkat. Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia berjaya menghadapi tempoh yang mencabar ini, didorong oleh asas-asas yang kukuh, termasuk ekonomi yang pelbagai, kadar inflasi yang rendah dan stabil, sektor kewangan yang kukuh serta dasar yang komprehensif. Ini akan memastikan kemampanan ekonomi pada masa hadapan. Beliau juga menyatakan bentuk pelaburan yang berubah dalam ekonomi Malaysia, dengan semakin banyak tumpuan pada bidang pertumbuhan baharu dan aktiviti dengan nilai ditambah yang lebih tinggi.

25 April

Bank Negara Malaysia mengeluarkan duit syiling peringatan bersempena dengan penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia. Sidang Kemuncak ASEAN 2015 ini merintis jalan kepada penubuhan Komuniti ASEAN, yang merupakan pencapaian penting ke arah merealisasikan wawasan bersama ASEAN untuk mewujudkan rantau yang aman, stabil dan makmur. Tiga tunggak yang menjadi asas komuniti ASEAN secara keseluruhan ialah ASEAN Political Security Community (APSC), ASEAN Economic Community (AEC) dan ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC). Komuniti ASEAN menunjukkan semangat kekitaan yang teguh dan ikatan hubungan yang erat antara 10 buah negara anggota ASEAN dan penduduknya.

28 April

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelantikan Encik Mohd. Adhari bin Belal Din sebagai Penolong Gabenor berkuat kuasa 1 Mei 2015. Encik Mohd. Adhari bertanggungjawab terhadap Jabatan Pengurusan Strategik, Pusat Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan IT dan Jabatan Modal Insan Strategik.

Sementara itu, Encik Marzunisham bin Omar, Penolong Gabenor yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Ekonomi, Jabatan Dasar Monetari, Jabatan Antarabangsa dan Jabatan Perkhidmatan Statistik, dipinjamkan ke Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) sebagai Pengarah Eksekutif untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 Mei 2015. Susulan itu, Encik Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour, Penolong Gabenor, akan bertanggungjawab terhadap portfolio tersebut berkuat kuasa 1 Mei 2015.

7 Mei

Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.25 peratus pada mesyuarat ketiga Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) tahun ini. Berdasarkan penilaian MPC, pertumbuhan ekonomi global kekal sederhana, dengan momentum pertumbuhan yang berbeza merentas ekonomi pada suku pertama 2015. Di kebanyakan negara Asia, pertumbuhan disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang berterusan. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi global dijangka meningkat walaupun pada kadar yang sederhana.

Bagi Malaysia, penunjuk terkini menunjukkan bahawa permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan pada suku pertama. Pada masa hadapan, ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil dengan permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu pertumbuhan yang utama. Pada kadar semasa OPR ini, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. MPC akan terus membuat penilaian yang teliti mengenai perkembangan luaran dan dalam negeri serta implikasinya terhadap risiko kepada inflasi dan ekonomi Malaysia.

11 Mei

Bank Negara Malaysia melancarkan aplikasi mudah alih yang pertama dikenali sebagai ‘My Ringgit’ di Sasana Kijang. Aplikasi ‘My Ringgit’ merupakan inisiatif Bank yang terkini untuk mendidik orang ramai mengenai ciri-ciri keselamatan mata wang Malaysia. Dengan aplikasi ini, pengguna boleh menggunakan kaedah ‘Sentuh, Lihat, Sendeng dan Teliti’ untuk mengesahkan ciri-ciri keselamatan tersebut. Aplikasi ini juga memaparkan maklumat lain seperti cara pengendalian wang kertas palsu atau rosak, serta lokasi Mesin Deposit Duit Syiling.

15 Mei

Pada sidang akhbar KDNK Suku Pertama 2015, Bank mengumumkan ekonomi Malaysia berkembang 5.6%, didorong terutamanya oleh permintaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi meningkat 1.2% (S4 2014: 1.8%). Sementara itu, kadar inflasi purata jauh lebih rendah pada 0.7% pada suku pertama 2015, disebabkan terutamanya oleh penurunan harga bagi kategori pengangkutan. Ini berikutan semakan ke bawah harga bahan api dalam negeri pada bulan Januari dan Februari ekoran harga minyak global yang lebih rendah.

27 Mei

Dalam ucapan Gabenor Dr. Zeti di Persidangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ASEAN 2015 – 'Menghubungkan PKS ASEAN Menerusi Integrasi Kewangan', beliau menyatakan ASEAN telah berkembang sebagai salah sebuah rantau yang paling dinamik di dunia. Beliau juga menyatakan bahawa potensi tersebut terus dipertingkat menerusi langkah-langkah lebih giat untuk menggalakkan integrasi ekonomi dan kewangan serantau. Berikutan perkembangan ini, PKS boleh muncul sebagai peserta serantau yang tidak bergantung pada asas pengguna dalam negeri. PKS juga berupaya untuk menyertai rangkaian pengeluaran global dengan memanfaatkan kekuatan dan prospek ASEAN. Semua ini akan membolehkan sektor PKS menyumbang kepada pertumbuhan yang seimbang dan mampan di rantau ini.